



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

**GAYA RETORIK SKEMA DALAM NOVEL GANTUNG KARYA
NADIA KHAN**

NUR FARHANA BINTI ZULKERNIN

(53155)

**Ijazah Sarjana Muda Sastera
dengan Kepujian (Linguistik) Universiti Malaysia Sarawak**

2018

Perkara Depan Projek Tahun Akhir No 2: Pengisytiharan Keaslian Kerja

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan

(√)

Projek Tahun Akhir

Sarjana

PhD

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

Perakuan ini telah dibuat pada.....22.....hari.....Mei.....2018.

Pengakuan Pelajar:

Saya NUR FARHANA BINTI ZULKERNIN (53155) DARI FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk GAYA RETORIK SKEMA DALAM NOVEL GANTUNG KARYA NADIA KHAN adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

Tarikh serahan

Nama pelajar (No. matrik)

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√)) :

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbit atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar:

Tandatangan Penyelia:

(22 Mei 2018)

(22 Mei 2018)

Alamat semasa pelajar:

2681, JALAN JOGET 1, TAMAN RIA JAYA, 08000 SUNGAI
PETANI, KEDAH DARUL AMAN

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

GAYA RETORIK SKEMA DALAM NOVEL GANTUNG KARYA NADIA KHAN

oleh

NUR FARHANA BINTI ZULKERNIN

(53155)

Projek tahun akhir ini dihantar sebagai memenuhi salah satu keperluan untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

2018

Pengesahan Penyelia:

Saya ENCIK AHMED SHAMSUL BAHRI BIN MOHD TUAH (NAMA PENYELIA) dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk GAYA RETORIK SKEMA DALAM NOVEL GANTUNG KARYA NADIA KHAN (TAJUK) telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN (LINGUISTIK) (NYATAKAN IJAZAH), dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh: _____ Tarikh: _____

(ENCIK AHMED SHAMSUL BAHRI MOHD TUAH)

PENGHARGAAN

Pertama sekali pengkaji ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kajian ini dapat disempurnakan. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia iaitu Encik Ahmed Shamsul Bahri bin Mohd Tuah yang banyak membantu dan membimbing serta tidak jemu memberikan tunjuk ajar, pandangan, dan teguran sehingga terhasilnya kajian ini. Sesungguhnya, hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas setiap jasa baik yang diberikan oleh beliau. Tidak dilupakan juga kepada pihak Fakulti yang telah banyak berjasa kepada pengkaji sepanjang pengajian pengkaji selama tiga tahun di UNIMAS.

Sekalung penghargaan untuk semua pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi kerana telah menyumbangkan tunjuk ajar kepada pengkaji mengenai kajian ini. Terima kasih diucapkan kepada kalian kerana banyak menyokong, membantu, dan memberikan semangat serta sokongan moral untuk menyiapkan kajian ini dengan baik. Tanpa segala bantuan yang telah diberikan ini, pengkaji sudah tentu tidak akan dapat menjalankan kajian dengan baik.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan sekelas yang telah banyak membantu dan memberikan semangat kepada pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa mereka pasti pengkaji akan mengalami kesukaran dalam menyiapkan kajian. Akhir sekali, pengkaji ingin memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana telah mengurniakan pengkaji ibu bapa yang sangat memahami dan tidak pernah jemu menyokong pengkaji sepanjang tempoh pengajian dan juga dalam melaksanakan kajian ini. Terima kasih daripada hati yang tulus ikhlas atas pengorbanan masa, tenaga, wang ringgit dan doa daripada kalian. Moga ilmu yang diperolehi dapat dimanfaatkan bersama dalam mencapai cita-cita pengkaji untuk berjaya dalam ijazah sarjana muda ini.

Abstrak

Penelitian bertujuan untuk mengkaji unsur retorik skema yang digunakan oleh Nadia Khan dalam novel *Gantung* terbitan *Fixi*. Kajian ini dijalankan berpandukan kerangka gaya retorik yang dibina oleh Corbett dan Connors (1999) dan beberapa pandangan pengkaji retorik yang lain untuk menyokong hujah dalam penghuraian data kajian. Kajian ini menggunakan dua kaedah untuk memperoleh data iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Penganalisan data kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Elemen yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah retorik gaya skema yang digunakan oleh Nadia Khan, iaitu gaya keseimbangan, pengulangan, pengguguran, dan hiperbaton. Berdasarkan analisis data, disimpulkan bahawa gaya pengulangan adalah gaya yang paling kerap digunakan, diikuti dengan gaya hiperbaton, gaya pengguguran, dan akhir sekali gaya keseimbangan.

Abstract

This study aimed to determine rhetorical scheme style used by Nadia Khan in the novel Gantung. This study was conducted based on Figure of Rhetorical Style founded by Corbett and Connors (1999) and few statement about rhetoric from some researchers to support arguments in data analysis. This study used two methods of obtaining data: library research and textual analysis research. The textual analysis research is done by using qualitative approach. The analysis emphasizes on rhetorical scheme style used by Nadia Khan that include construction, repetition, omission, and hyperbaton. It can be concluded that repetition is mostly used in the novel, followed by hyperbaton, omission, and the least one is construction.

SENARAI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGHARGAAN	
ABSTRAK	
BAB 1: PENDAHULUAN	1-6
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Latar Belakang Penulis	2
1.2.2 Latar Belakang Novel	3
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Tujuan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Definisi Terma Utama	5
1.6.1 Gaya Bahasa	5
1.6.2 Retorik	5
1.6.3 Retorik Skema	5
1.7 Kepentingan Kajian	6
BAB 2: SOROTAN KAJIAN	7-11
2.1 Pengenalan	7
2.2 Sorotan Kajian Lepas	7
2.2.1 Retorik dalam Pengucapan	7
2.2.2 Retorik dalam Iklan	8
2.2.3 Retorik dalam Novel	8-10
2.3 Rumusan	11

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	12-17
3.1 Pengenalan	12
3.2 Rekabentuk Kajian	12-13
3.3 Sampel Kajian	13
3.4 Instrumen	13
3.4.1 Kaedah Kepustakaan	13
3.4.2 Teori Retorik oleh Corbett & Connors (1971-1999)	14
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	15
3.6 Kaedah Analisis Data	16-17
3.7 Batasan Kajian	17
BAB 4: HASIL KAJIAN	18-36
4.1 Pengenalan	18
4.2 Dapatan Kajian dan Perbincangan	18
4.3 Penghuraian Retorik Gaya Skema (<i>Scheme</i>) dalam Novel <i>Gantung</i>	18-21
4.3.1 Gaya Keseimbangan	21
4.3.1.1 Paralelisme	21
4.3.1.2 Isokolon	21
4.3.1.3 Antitesis	22
4.3.2 Gaya Pengulangan	22
4.3.2.1 Anafora	22-26
4.3.2.2 Anadiplosis	27-29
4.3.2.3 Epistrop	30
4.3.3 Gaya Pengguguran	31
4.3.3.1 Elipsis	31-32
4.3.3.2 Asindeton	32-33
4.3.3.3 Polisindeton	34
4.3.4 Gaya Hiperbaton	34
4.3.4.1 Aposisi	34

4.3.4.2 Parentesis	35-36
4.4 Skema Retorik Mempengaruhi Watak dan Plot	37-40
4.5 Perbincangan	40
4.5.1 Skema Pengulangan	41
4.5.2 Skema Hiperbaton	41
4.5.3 Skema Pengguguran	41-42
4.5.4 Skema Keseimbangan	42
BAB 5: KESIMPULAN	43-46
5.1 Pengenalan	43
5.2 Ringkasan Kajian	43-44
5.3 Implikasi Kajian	44-45
5.4 Cadangan Kajian	45-46

GAYA RETORIK SKEMA DALAM NOVEL GANTUNG KARYA NADIA KHAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab 1, pengkaji akan memberikan gambaran keseluruhan mengenai kajian yang dilakukan iaitu analisis unsur retorik skema dalam novel *Gantung* karya Nadia Khan. Pada bab ini, akan diterangkan secara lebih mendalam dari segi aspek latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, istilah definisi terma utama, dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Gaya bahasa merupakan aspek yang penting dalam kehidupan kerana setiap hari kita sentiasa menggunakan bahasa tidak kira dalam pertuturan mahupun penulisan. Bahasa melambangkan identiti sesebuah masyarakat. Sapir (1921), menjelaskan bahawa bahasa menentukan pemikiran penuturnya (dipetik dalam Hamzah & Mat Hassan, 2011).

Karya-karya kreatif adalah antara sumber yang kaya dengan pelbagai gaya bahasa. Sejak zaman-berzaman, karya kreatif tidak pernah lupus dari hidup kita bahkan semakin banyak dihasilkan bagai cendawan yang tumbuh selepas hujan. Hal ini adalah kerana, seseorang individu dapat menyampaikan idea, buah fikiran, gagasan dan meluahkan perasaan melalui karya. Tokoh Sasterawan Negara, Usman Awang menyatakan antara sebab beliau menulis adalah disebabkan oleh jiwanya yang memberontak untuk mencurahkan apa yang tersimpan di jiwanya (dipetik dalam Salleh & Sailin, 2014).

Namun begitu, gaya penulisan atau bahasa memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat secara berkesan supaya pembaca dapat memahami dan menghayati apa yang hendak disampaikan oleh pengarang dengan baik. Retorik adalah antara salah satu elemen yang penting dalam bidang penulisan dan juga pertuturan. Di atas pentas, jika peminat tidak menggunakan bahasa retorik, penonton mungkin bercakap sesama mereka (jadi bising), atau langsung terlena, malah ada yang meninggalkan majlis (Sinar Harian, 2012).

1.2.1 Latar Belakang Penulis

Novel *Gantung* ini telah ditulis oleh seorang penulis yang bernama Nadia Mohamad Hatta atau lebih popular dengan nama Nadia Khan. Nadia merupakan seorang graduan *M.B.B.S* pada tahun 2009 yang kini telah menjadi seorang penulis sepenuh masa dan seorang tutor secara sambilan di Fakulti Perubatan di sebuah universiti di Malaysia. Cita-citanya adalah hendak menjadi seorang ahli falsafah. Bakat terpendam penulis ini dalam bidang penulisan telah dicungkil oleh syarikat penerbitan buku *Fixi*. Nadia Khan pernah memenangi anugerah dalam Pertandingan Penulisan Skrip Peringkat Kebangsaan.

Novel pertama yang dihasilkannya adalah bertajuk *Kelabu* pada tahun 2011 dan kemudiannya dua antologi cerita pendek iaitu *Cerpen* dan *Kopi* dihasilkan pada tahun 2012. Selain itu, Nadia juga pernah menghasilkan skrip yang bertajuk “*Aku, Dia dan Tong Sampah*” yang kemudiannya dijadikan sebuah telemovie di kaca televisyen. Walaupun sibuk dalam bidang penulisan, namun ia bukanlah satu halangan bagi Nadia yang sekarang ini sedang melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Psikologi.

1.2.2 Latar Belakang Novel

Novel *Gantung* mengisahkan tentang empat orang rakan baik iaitu Gibbs, Ray, KJ dan Troll yang paling popular dan paling akrab di sebuah sekolah asrama elit. Mereka mempunyai peraturan dalam bersahabat. Pada suatu ketika, peraturan yang telah ditetapkan ini telah dilanggar dan bermulalah episod misteri dan tragedi yang menghantui hidup mereka semua.

1.3 Pernyataan Masalah

Retorik adalah satu perkataan yang sudah tidak asing lagi dalam dunia penulisan. Hussin & Jaludin (2003), menyatakan bahawa retorik ialah seni dalam organisasi penyampaian ucapan atau penulisan. Retorik merujuk kepada pemakaian bahasa yang berkesan untuk meyakinkan serta menarik perhatian audiens terhadap sesuatu yang disampaikan dalam ucapan mahupun penulisan (Abu Bakar & Hamzah, 2016, ms. 10-11). Melalui kata-kata ini, jelaslah bahawa kita sememangnya ada menggunakan unsur retorik tidak kira dalam pertuturan mahupun secara bertulis.

Dalam era lambakan karya-karya kreatif pada masa kini, unsur retorik seringkali digunakan oleh pengarang dalam penghasilan sesebuah karya. Hal ini adalah demikian kerana, retorik membantu menentukan cara pengarang menyampaikan pendapat, pemikiran, tanggapan, idea, saranan atau perasaan untuk mendapatkan keyakinan seseorang melalui wacana bahasa (Lanham 1991, seperti yang dipetik dalam Mat Dehan & Yaakob 2017, ms. 60). Penggunaan retorik secara tidak langsung akan menarik perhatian dan minat pembaca untuk membaca isi yang hendak disampaikan oleh pengarang kerana unsur ini berfungsi untuk memberitahu, memujuk, mempengaruhi dan memberi kesedaran kepada segenap lapisan masyarakat tentang realiti kehidupan yang berlaku pada masa kini. Menurut Asrul Azuan Mat Dehan et al. (2017), tanpa retorik, penyampaian buah fikiran tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana tidak

semua penulisan atau pengucapan boleh disampaikan dalam teks berbentuk lateral semata-mata dan kelihatan hambar.

Kajian tentang retorik telah banyak dilakukan oleh para pengkaji bahasa dalam pelbagai bidang. Hal ini menunjukkan betapa popULARNYA aspek retorik dalam kalangan pengkaji bahasa. Namun begitu, setiap kajian yang pernah dijalankan adalah bersifat umum dan tidak secara menyeluruh. Kajian tentang gaya retorik skema masih kurang mendapat tempat di hati pengkaji bahasa terutamanya penggunaannya dalam novel. Hal ini telah membuka ruang kepada pengkaji untuk mengkaji tentang retorik khususnya unsur retorik skema dalam novel yang tidak pernah dikaji lagi seperti novel *Gantung*.

Asrul Azuan Mat Dehan et al. (2017) berpendapat bahawa kajian lanjutan berkaitan gaya retorik skema wajar dijalankan untuk membincangkan gaya skema dengan menggunakan kaedah dan instrumen kajian yang berbeza. Jadi, wajarlah kajian ini dilakukan bagi melihat bagaimana pengarang menggarap unsur ini masuk ke dalam penulisannya bagi menghidupkan lagi jalan penceritaan dan menarik minat lebih ramai pembaca untuk membaca.

1.4 Tujuan Kajian

Dalam penulisan ilmiah ini, matlamat pengkaji adalah untuk mengkaji unsur retorik skema yang digunakan oleh Nadia Khan dalam novel *Gantung* terbitan *Fixi*.

1.5 Objektif Kajian

Kajian dalam makalah ilmiah ini akan berfokus kepada beberapa objektif iaitu:

1. Mengenal pasti penggunaan retorik gaya skema yang terdapat dalam novel *Gantung*
2. Menghuraikan penggunaan retorik gaya skema yang terdapat dalam novel *Gantung*
3. Mengkaji kesan signifikan retorik skema terhadap perkembangan watak dan plot dalam novel *Gantung*

1.6 Definisi Terma Utama

1.6.1 Gaya Bahasa

Menurut Keraf (2009), gaya bahasa merupakan satu cara mengungkapkan fikiran melalui bahasa secara khas yang memperlihatkan jiwa dan keperibadian penulis (dipetik dalam Niki Aldila, Chairil Effendy dan Antonius Totok Priyadi, 2013). Kita boleh mengetahui dan memahami isi atau idea dalam sesebuah penulisan dan karya melalui gaya bahasa yang digunakan oleh penulis. Selain itu, gaya bahasa merupakan bahasa indah yang digunakan untuk meningkatkan efek dengan jalan memperkenalkan serta memperbandingkan suatu benda atau hal tertentu dengan benda atau hal lain yang lebih umum (Dale, dalam Keraf 2009: 5). Jadi, di sini dapat kita rumuskan bahawa gaya bahasa adalah bahasa indah yang ditonjolkan oleh penulis bagi memberi efek tertentu dan meningkatkan lagi keindahan jalan penceritaan dalam sesebuah karya.

1.6.2 Retorik

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 1982) mendefiniskan retorik sebagai satu seni yang menggunakan atau memakai bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar. Retorik digunakan dalam penulisan mahupun pengucapan dengan tujuan menyampaikan, memaklumkan, dan mempengaruhi khalayak. Dalam kajian ini, retorik adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa yang berseni dan berketrampilan yang terdapat dalam novel *Gantung* karya Nadia Khan.

1.6.3 Retorik Skema

Menurut Corbett & Connors (1999), gaya retorik terbahagi kepada dua jenis, iaitu skema dan trope. Asrul Azuan Mat Dehan et al. (2017), pula menjelaskan bahawa gaya retorik skema ialah penyenaian kumpulan gaya yang mengalami perubahan susunan, iaitu ejaan atau perkataan dengan cara menambah atau mengurangkan huruf atau suku kata.

1.7 Kepentingan Kajian

Karya kreatif khususnya yang berbentuk novel adalah antara medium yang menghubungkan penulis dan pembaca. Idea, gagasan, luahan seseorang penulis dimasukkan ke dalam novel untuk dikongsi bersama dengan para pembaca. Oleh yang demikian, kajian sebegini amat perlu dilakukan.

Kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat menambahkan lagi maklumat dan pemahaman tentang gaya retorik skema dalam penulisan khususnya dalam karya sastera novel. Hasil analisis kajian akan menunjukkan huraian mengenai gaya retorik skema dalam penulisan novel dan diharapkan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan pembelajaran kepada para pelajar yang belajar dalam bidang bahasa.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan meneliti tentang sorotan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian gaya retorik. Semua kajian terdahulu ini adalah terdiri daripada pelbagai bidang seperti retorik dalam pengucapan, retorik dalam iklan, dan retorik dalam novel.

2.2 Sorotan Kajian Lepas

2.2.1 Retorik dalam Pengucapan

Norida Berhan & Zulkifley Hamid (2012) telah menjalankan tinjauan terhadap kekuatan retorik gaya dalam ceramah. Kajian ini adalah bersifat kualitatif yang menggunakan empat buah teks ceramah tokoh terkenal sebagai korpus kajian. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah analisis kandungan. Data kajian kemudiannya dianalisis menggunakan model skema dan trope yang dikemukakan oleh Corbett dalam Teori Retorik Aristotle. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa retorik skema gaya pengulangan lebih mendominasi penggunaan berbanding retorik gaya seimbang, hiperbaton, dan pengguguran. Dalam retorik gaya trope pula, gaya motonomi dan hiperbola lebih mendominasi berbanding yang lain. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan retorik gaya yang pelbagai mampu memberi sumbangan yang besar dalam menjayakan sesebuah ucapan. Melalui kajian ini lagi, retorik gaya pelbagai dapat menentukan kewibawaan pengucap serta membantu mengubah fikiran dan tindakan khalayak. Kesimpulannya, retorik gaya ini mampu membentuk karakter bangsa yang berketrampilan dalam pelbagai bidang seperti politik, sosial, dan ekonomi.

2.2.2 Retorik dalam Iklan

Siti Saniah Abu Bakar (2015) dalam kajiannya menyatakan bahawa retorik iklan merupakan retorik pemujukan atau retorik pengaruh. Pengkaji telah menjalankan kajian tentang unsur perbandingan sebagai strategi retorik dalam iklan radio. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat bagaimana unsur perbandingan dalam ungkapan darjah penghabisan, tingkat ketiadaan, tingkat kelebihan, dan tingkat kesangatan dimanipulasikan oleh pengiklan dalam iklan radio. Iklan yang memanipulasikan unsur perbandingan turut ditinjau sama ada memenuhi Prinsip Kesopanan Leech atau tidak. Pengkaji menggunakan korpus iklan berdasarkan rakaman audio sebagai bahan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan pengiklan bijak memanipulasikan unsur perbandingan dengan memilih kata dan frasa yang kabur, mengelirukan dan membuatkan pendengar tertanya-tanya tentang maksud pengiklan sebagai strategi pengiklan untuk menarik perhatian pendengar. Walaupun pengiklan memanipulasikan kata dan frasa, namun Prinsip Kesopanan Leech masih diterapkan dalam iklan-iklan yang disiarkan. Hal ini menunjukkan bahawa pengiklan cenderung untuk bersikap hormat dan bukannya berkonflik dalam jalinan sosial.

2.2.3 Retorik dalam Novel

Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob & Nik Fazrul Azri Nik Azis (2017) menjalankan kajian tentang keberkesanan unsur retorik skema yang digunakan oleh A. Samad Said dalam novel *Salina* sama ada mempunyai fungsi komunikasi secara langsung atau tidak langsung antara pengarang dan pembaca. Tinjauan dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti penggunaan retorik dan kaedah persampelan sistematik digunakan untuk memperoleh data kajian. Berdasarkan hasil analisis, penyelidikan mengenal pasti dan menghuraikan empat gaya retorik skema yang digunakan dalam novel tersebut iaitu gaya pengulangan yang paling banyak dijumpai diikuti dengan gaya pengguguran,

gaya keseimbangan dan seterusnya gaya hiperbaton yang paling sedikit ditonjolkan. Kesimpulannya, pengkaji berjaya membuktikan bahawa A. Samad Said menggunakan pelbagai gaya retorik untuk melahirkan idea atau maklumat secara berkesan dan menyampaikan maksud yang tertentu secara tersurat dan tersirat serta kiasan.

Niki Aldila, Chairil Effendy dan Antonius Totok Priyadi (2013), menjalankan satu kajian untuk menganalisis gaya bahasa dan fungsinya dalam novel *Menjadi Tua dan Tersisih*. Metodologi kajian berbentuk deskriptif dan menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil analisis, pengkaji mendapati bahawa novel ini mempunyai unsur retorik trope iaitu unsur simile, personifikasi, hiperbola, litotes dan metafora. Simile berfungsi memberikan efek keindahan cerita sehingga sifat persamaannya dalam kalimat dapat difahami. Seterusnya, personifikasi digunakan untuk mengiaskan benda mati bertindak seperti manusia. Hiperbola pula menggunakan kata yang melebih-lebihkan dari kenyataan. Fungsi litotes ialah sifatnya merendahkan diri dan seterusnya metafora berfungsi sebagai perbandingan analogis. Kesimpulan kajian ialah kesemua unsur gaya retorik ini mempunyai peranan masing-masing dalam memberi efek keindahan terhadap jalan cerita dalam novel dan membuat cerita menjadi lebih menarik.

Noriha Basir (2010) membincangkan tentang kefungsian gaya bahasa pengulangan dalam novel *Al-Abrar* dengan menggunakan pendekatan wacana. Tujuan utama analisis dibuat adalah untuk melihat kefungsian gaya bahasa pengulangan yang ditinjau penggunaannya dalam aras perenggan. Kajian ini menggunakan Teori Halliday (1985) yang memanfaatkan tema dan rema bagi menjelaskan kefungsian gaya bahasa pengulangan tersebut. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, penyelidik mendapati bahawa terdapat lapan gaya bahasa pengulangan yang digunakan dalam novel iaitu pengulangan anafora, simplok, anadiplosis dan paralelisme yang berfungsi sebagai unsur penjelasan, pengembangan, pengharmonian dan penambahan idea dalam perenggan. Pengulangan epizeuksis dan mesodiplosis berfungsi sebagai unsur

penegasan dan sokongan hujah manakala pengulangan epistrofa dan epanalepsis berfungsi sebagai unsur pelengkap fakta dan penegasan maksud dalam perenggan.

St. Ainur Rohmah (2015) telah meneliti gaya bahasa perbandingan dalam novel *Ayat-Ayat Cinta* dan *Bumi Cinta* karya Habiburrohman El Shirazy. Penelitian ini bertujuan untuk mengetahui penggunaan gaya bahasa metafora dan personifikasi, makna gaya bahasa metafora, dan makna gaya bahasa personifikasi dalam kedua-dua buah novel ini. Kajian ini telah dijalankan melalui penelitian kualitatif dengan pendekatan stilistika. Dalam kajian ini, peneliti telah menggunakan teknik telaah dokumen atau membaca secara berulang-ulang. Hasil penelitian terhadap data daripada penggalan-penggalan teks, peneliti mendapati bahawa pemanfaatan gaya bahasa metafora dan personifikasi dalam novel *Ayat-Ayat Cinta* dan *Bumi Cinta* dapat memberikan gambaran yang jelas, membuat suasana lebih hidup, dan menimbulkan daya pikat yang menarik perhatian pembaca.

Dian Maya Setia Ekawati, Sumarwati & Atikah Anindyarini (2012) mengkaji gaya bahasa dalam novel terjemahan *Sang Pengejar Layang-Layang (The Kite Runner)* karya Khaled Hosseini. Tujuan penelitian dijalankan adalah untuk mendeskripsikan gaya bahasa yang dominan oleh Khaled Hosseini dalam novel terjemahan *Sang Pengejar Layang-layang* dan persepsi pembaca terhadap pemakaian gaya bahasa tersebut. Pengkaji telah menggunakan teknik *purposive sampling*. Data kajian diperolehi melalui wawancara yang mendalam dan analisis dokumen. Teknik analisis data yang digunakan adalah model analisis interaktif yang meliputi empat komponen, iaitu pengumpulan data, pembuangan data, penyajian data, dan verifikasi. Hasil kajian mendapati bahawa gaya bahasa yang dominan dalam novel terjemahan ini ialah gaya bahasa pengulangan, hiperbola, personifikasi, simile, dan metafora. Persepsi pembaca terhadap gaya bahasa dalam novel ini adalah setiap gaya bahasa memiliki makna dan fungsi yang berbeza dalam mendukung keberhasilan sesuatu karya.

2.3 Rumusan

Sebagai rumusannya, kajian terhadap unsur retorik banyak dijalankan dalam pelbagai bidang seperti pengucapan, iklan, novel, dan sebagainya. Walaupun banyak kajian retorik dijalankan terhadap karya kreatif novel, namun, kajian retorik skema masih kurang dijalankan dan pengkaji wajar menjalankan kajian dalam aspek ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci tentang kaedah kajian atau lebih dikenali sebagai metodologi kajian yang telah digunakan dalam merangka kajian ini. Selain kaedah kajian, bab ini juga merangkumi reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data dan yang terakhir iaitu batasan kajian. Menurut Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2016), metodologi kajian merupakan suatu kaedah yang paling berkesan dalam menjalankan penyelidikan dan tatacara yang paling efektif bagi menjawab segala permasalahan kajian. Sesuatu kajian yang utuh untuk dijalankan memerlukan sesuatu pendekatan yang dinamik bagi mengukuhkan lagi dapatan sesuatu kajian itu tambahan Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2016) lagi. Dengan itu, dalam bab ini juga akan merungkai setiap metodologi yang diaplikasikan bagi mendapatkan dapatan kajian bagi makalah ini.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dan kaedah analisis teks untuk mengenal pasti penggunaan retorik skema dalam novel Nadia Khan. Dalam konteks ini, tinjauan dilakukan melalui analisis teks terhadap penggunaan gaya retorik skema yang digarap oleh penulis dalam novel *Gantung* dengan tujuan untuk menampilkan karya yang santai dan mesra pembaca.

Reka bentuk kualitatif boleh didefinisikan sebagai kaedah yang memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah

ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah Hamzah, 2010).

3.3 Sampel Kajian

Contoh-contoh retorik skema yang menjadi sampel dalam kajian ini dipetik daripada ayat-ayat yang digunakan dalam karya kreatif iaitu daripada novel *Gantung* karya Nadia Khan terbitan *Fixi Publisher*.

Karya kreatif dipilih sebagai bahan kajian kerana kalangan penulis muda sering menggunakan gaya bahasa baru yang segar, lincah, penuh dialog dan ada unsur humor yang menghiburkan dalam novel mereka (Utusan *Online*, 2016).

Jika diteliti, hampir 70% daripada keseluruhan teks dalam novel *Gantung* ini menggunakan dialog. Ia adalah satu teknik yang digunakan oleh Nadia untuk membantu pergerakan plot cerita (Berita Kampus USM, 2014). Penggunaan dialog yang banyak adalah sebab mengapa novel ini telah dipilih sebagai sampel kajian.

3.4 Instrumen

Pengkaji menggunakan instrumen ini dalam menjalankan kajian:

3.4.1 Kaedah Perpustakaan

Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam menjalankan kajian analisis retorik skema dalam novel *Gantung*. Kajian dijalankan melalui analisis kandungan teks dalam novel dan sumber rujukan tambahan yang digunakan adalah seperti jurnal-jurnal ilmiah yang berkaitan dengan tajuk kajian.


3.4.2 Teori Retorik oleh Corbett & Connors (1971-1999)

Kewujudan teori retorik Corbett adalah berasaskan kepada teori klasik. Teori ini muncul untuk generasi baru yang ingin meneroka ilmu retorik dengan lebih mendalam. Corbett telah mengkaji gaya retorik sejak tahun 1971 dan telah mengembangkannya sehingga tahun 1999. Usaha murni beliau ini kemudiannya telah dibantu oleh Connors. Corbett dan Connors membahagikan '*figures of speech*' kepada dua bahagian yang utama iaitu skema (*scheme*) dan majas (*tropes*).

Skema adalah unsur yang melibatkan perubahan dari segi bentuk ayat dan susunan perkataan. Selain itu, ia juga melibatkan perubahan dalam ejaan dan bunyi perkataan yang terhasil dengan cara menambah atau mengurangkan huruf atau suku kata. Majas atau *tropes* pula bermaksud suatu penyimpangan dari maksud yang biasa atau asas sesuatu perkataan. Corbett berpendapat bahawa kedua-dua *tropes* dan *skema* ada melibatkan perubahan iaitu kedua-dua jenis retorik ini melibatkan suatu pemindahan: majas perubahan makna dan skema perubahan susunan ataupun ketertiban.

Kajian ini dijalankan berpandukan kerangka kajian Corbett & Connors kerana kandungan teks di dalam novel mempunyai unsur gaya bahasa skema. Berdasarkan kerangka retorik ini, skema melibatkan empat bentuk utama iaitu keseimbangan, pengulangan, pengguguran, dan hiperbaton. Di bawah empat bentuk ini terdapat beberapa lagi unsur gaya retorik. Namun begitu, pengkaji hanya menjalankan kajian ke atas beberapa unsur sahaja bagi setiap bentuk retorik skema ini.

3.5 KAEDAH PENGUMPULAN DATA



Bagi mendapatkan data kajian, pertama sekali, pengkaji akan membaca novel *Gantung* secara terperinci. Semasa proses pembacaan sedang berlaku, pengkaji akan memilih dan mengeluarkan data yang mengandungi unsur retorik gaya skema iaitu gaya keseimbangan, pengulangan, pengguguran, dan hiperbaton. Kemudiannya, pengkaji akan mengenalpasti unsur retorik yang terdapat di bawah empat golongan yang dijumpai dalam teks dan mengumpul kesemua data tersebut sekaligus.

3.6 KAEDAH ANALISIS DATA



Pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan teks bagi menjalankan kajian ini. Data yang dikumpulkan melalui pembacaan yang terperinci akan dikategorikan mengikut empat bentuk retorik skema iaitu gaya keseimbangan, gaya pengulangan, gaya pengguguran dan gaya hiperbaton. Seterusnya, data kajian akan dipecahkan lagi kepada unsur-unsur retorik skema di bawah empat bentuk gaya bahasa yang besar ini. Gaya keseimbangan mengandungi beberapa unsur lain di bawahnya seperti gaya paralelisme, antithesis, dan isokolon. Gaya pengulangan terdiri daripada unsur anafora, asonansi, dan aliterasi. Gaya pengguguran pula di bawahnya adalah unsur elipsis, asidenton, dan polisindeton manakala gaya hiperbaton terdiri daripada unsur aposisi dan parentesis. Kemudiannya, pengkaji akan membuat huraian lanjut tentang unsur-unsur retorik skema yang telah dipecahkan mengikut kategori ini berserta dengan huraian secara terperinci bagi data yang ditemui dalam teks. Akhir sekali, pengkaji melihat kesan signifikan retorik skema terhadap perkembangan watak dan plot dalam novel *Gantung*. Bagi bahagian ini, pengkaji menganalisis data daripada dialog-dialog yang telah diperolehi dalam bahagian pengumpulan data. Pengkaji mahu mengenalpasti adakah unsur retorik skema

memberi apa-apa perubahan terhadap watak atau plot dalam novel ini. Kemudiannya, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih lanjut tentang kesan signifikan yang ditemui.

3.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada satu karya kreatif yang berbentuk novel sahaja, iaitu novel *Gantung* karya Nadia Khan. Kajian retorik ini dijalankan berpandukan pada Kerangka Retorik Corbett & Connors (1999) yang menjelaskan unsur retorik terbahagi kepada dua jenis iaitu Retorik Skema dan Retorik Trope. Tumpuan kajian hanya terhad kepada penggunaan retorik khususnya unsur retorik skema yang digunakan oleh penulis dalam hasil karyanya. Pengkaji menentukan batasan kajian supaya ruang lingkup kajiannya tidak terlalu luas dan maklumat dapat disampaikan dengan lebih jelas dan berkesan. Kajian lanjut mengenai retorik skema mahupun trope atau kedua-duanya sekali berkemungkinan dapat dijalankan terhadap karya-karya Nadia Khan yang lain untuk melihat sama ada penulis menggunakan unsur retorik dengan cara yang sama atau berbeza.

BAB 4

HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan kepada instrumen kajian yang telah ditetapkan. Keputusan yang diperolehi dibentang dalam bentuk jadual.


4.2 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Karya sastera merupakan satu wadah untuk para pengkarya berkarya iaitu menyampaikan idea dan gagasan, meluahkan pelbagai perasaan, dan melahirkan pendapat. Antara karya sastera yang dominan di negara kita ialah puisi, cerpen, novel dan drama. Semua karya ini mempunyai peranan yang tersendiri. Novel adalah antara karya yang mengupas tentang isu kehidupan tidak kira baik atau buruk dan memberi pengajaran kepada para pembaca. Dalam berkarya, penulis akan menerapkan elemen gaya bahasa yang menarik supaya pembaca tidak bosan dan dapat menikmati pembacaan sehingga habis.

4.3 Penghuraian Retorik Gaya Skema (*Scheme*) dalam Novel Fixi Gantung

Corbett dan Connors (1999) telah menyenaraikan empat kumpulan skema di bawah retorik gaya skema iaitu keseimbangan, pengulangan, pengguguran, dan hiperbaton. Di bawah keseimbangan terdiri daripada gaya paralelisme, isokolon, dan antitesis. Skema pengulangan pula terdiri daripada tiga gaya iaitu anafora, anadiplosis, dan epistrop. Seterusnya, skema pengguguran mengandungi tiga gaya iaitu elipsis, asindeton, dan polisindeton. Akhir sekali hiperbaton terdiri daripada gaya aposisi dan parentesis. Kerangka Corbett & Connors (1999) digunakan dalam kajian ini bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian di bawah:

Rajah 1: *Framework*



Berikut merupakan jadual yang menerangkan tentang kekerapan retorik gaya skema dalam novel *Gantung* karya Nadia Khan:

Jadual 1: Retorik Gaya Skema dalam Novel *Gantung*

Bil.	Retorik Gaya Skema	Gantung
Gaya Keseimbangan		
1.	Paralelisme	0
2.	Isokolon	1
3.	Antitesis	0
Jumlah		1
Gaya Pengulangan		
1.	Anafora	64
2.	Anadiplosis	31
3.	Epistrop	4
Jumlah		99
Gaya Pengguguran		
1.	Elipsis	4
2.	Asindeton	11
3.	Polisindeton	0
Jumlah		15
Hiperbaton		
1.	Aposisi	2
2.	Parentesis	34
Jumlah		36

Berdasarkan Jadual 1 di atas, pengkaji mendapati bahawa skema pengulangan merupakan retorik gaya skema yang paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 99 kali. Di bawah skema pengulangan mengandungi tiga gaya iaitu anafora sebanyak 64 kali, anadiplosis sebanyak 31 kali, dan epistrop sebanyak 4 kali. Skema kedua yang tertinggi ialah skema hiperbaton, iaitu 36 kali. Di bawah hiperbaton terdiri daripada gaya aposisi sebanyak 2 kali dan gaya parentesis sebanyak 34 kali. Seterusnya, diikuti oleh skema pengguguran yang digunakan sebanyak 15 kali. Skema pengguguran terdiri daripada gaya elipsis sebanyak 4 kali, asindeton sebanyak 11 kali dan polisindeton. Skema keseimbangan merupakan gaya yang paling sedikit digunakan oleh penulis dalam novel *Gantung*, iaitu sebanyak 1 kali sahaja. Di bawah skema keseimbangan terdiri daripada tiga gaya iaitu paralelisme, isokolon, dan antitesis. Melalui

dapatan dalam Jadual 1, pengkaji dapat mencapai objektif yang pertama iaitu mengenal pasti penggunaan retorik gaya skema yang terdapat dalam novel *Gantung*.

Seterusnya, dapatan kajian bagi objektif yang kedua iaitu menghuraikan penggunaan retorik gaya skema yang terdapat dalam novel *Gantung* adalah seperti berikut:

4.3.1 Gaya Keseimbangan

4.3.1.1 Paralelisme

Paralelisme adalah gaya yang memperlihatkan keseimbangan dalam idea atau pertentangan makna, yang hadir dalam serangkai kata (Ahmadi, 2012). Menurut Dehan & Yaakob (2017), gaya paralelisme melibatkan pembentukan rangkap, iaitu ayat yang seimbang dengan satu bahagian mengulang bahagian yang lain. Penulis Nadia Khan tidak menerapkan gaya paralelisme dalam karyanya novel *Gantung* ini.

4.3.1.2 Isokolon

Umar Junus (1989) dalam (Dehan & Yaakob, 2017) menyatakan isokolon sebagai penggunaan perkataan yang mempunyai persamaan makna yang disusun dalam baris atau fikiran yang sama. Contoh penggunaan isokolon dalam novel ini adalah seperti berikut:

- i) Sometimes, if during our lifetime we're too attached to a **certain** place, or a **certain** person... susah kita nak tinggalkan. (m/s 79)

Contoh (i) menampilkan beberapa frasa yang mengandungi pengulangan perkataan yang sama makna, iaitu *certain*. *Certain* membawa maksud sesuatu, iaitu merujuk kepada perkara yang kita tidak pasti atau tidak tahu namanya. Dalam konteks cerita ini, perkataan *certain* digunakan pada frasa *certain place, or a certain person* menunjukkan sesuatu tempat atau seseorang yang tidak dinyatakan dengan lebih spesifik.

4.3.1.3 Antitesis

Gaya antitesis digunakan untuk menunjukkan perbezaan antara dua idea. Dua leksikal mengandungi maksud yang bertentangan digandingkan bersama dalam satu klausa untuk menyatakan perbezaan dengan lebih jelas. Selain daripada gaya paralelisme, penggunaan gaya antitesis juga tidak diterapkan oleh penulis dalam novel ini.

4.3.2 Gaya Pengulangan

4.3.2.1 Anafora

Anafora merupakan salah satu gaya bahasa tentang pengulangan perkataan pada permulaan klausa. Kridalaksana (2013) mendefinisikan anafora sebagai pengulangan bunyi, kata, atau struktur sintaksis pada larik-larik atau kalimat-kalimat yang berurutan untuk memperoleh efek tertentu. Anafora berfungsi sebagai pertautan idea antara satu baris ke baris yang berikutnya. Omar (2005), berpendapat bahawa anafora ialah pengganti yang digunakan sesudah menyebut sesuatu kata atau rangkai kata agar kata itu tidak diulang-ulang untuk menghindari kebosanan. Contoh penggunaan anafora dalam novel *Gantung* adalah seperti berikut, iaitu:

- i) **Abang** ni... Khalil Abdullah kan? **Abang** ni la yang buat skrip kitorang? (m/s 232)

Berdasarkan ayat dalam Contoh (i), pengarang menceritakan peristiwa tentang seorang pelajar perempuan bernama Qaseh Raihanna Ilyana Sofea yang berasa teruja dan tidak percaya apabila berjumpa dengan penulis skrip dan pengarah filem terkenal. Pengarang memperlihatkan ungkapan retorik melalui penggunaan gaya anafora yang menampilkan pengulangan perkataan yang sama pada permulaan ayat yang pertama dan kedua, iaitu *abang*. Rahman Shaari (1989) dalam Noriha Basir (2010) mendefinisikan anafora sebagai pengulangan perkataan atau kalimat beberapa kali oleh seseorang penulis bagi menegaskan

sesuatu perkara. Kenyataan ini dapat dilihat dalam Contoh (i) kerana pengarang telah menyatakan pengulangan perkataan *abang* bagi menunjukkan pelajar perempuan tersebut memberi penegasan sekali lagi bahawa *abang* yang berjumpa dengannya ini adalah *abang* berpangkat penulis skrip dan pengarah terkenal, bukan sembarangan *abang*.

Terdapat banyak contoh lain bagi gaya anafora yang pengkaji temui dalam novel *Gantung* ini.

Berikut merupakan contoh-contoh dialog yang mengandungi gaya anafora:

- 1) **Kau** nak ke tak nak? **Kau** ingat ni keja senang ke? (m/s 12)
- 2) **Aku** roommate kau, **aku** pernah nampak. (m/s 15)
- 3) **Aku** tengok cara dia usha kau hari tu pun aku dah dapat agak. **Aku** rasa dia hantar skrip kat aku pun, sebab dia tahu aku baik ngan kau. (m/s 23)
- 4) **Kau** buat ni untuk diri kau kan? **Kau** tak rentikan benda ni lebih awal supaya kau hari-hari dapat jumpa dia kan? (m/s 62)
- 5) **Aku**... tak tahu kenapa. **Aku**... memang macam ni...(m/s 89)
- 6) **Kau** ni memang drama queen betul la! **Kau** tak kena tumbuk pun, kau pengsan apahal! (m/s 111)
- 7) **Aku** dah paham kenapa selama ni kau tak boleh setelkan je masalah ni. **Aku** tak boleh buat. (m/s 115)
- 8) **Dia** nak cuba bengangkan aku, tau tak? **Dia** dok kata kau tikam belakang kitorang.. (m/s 134)
- 9) Apa maksud cikgu ni sebenarnya? **Saya** kenal Deepa pun gitu-gitu je. **Saya** tak sama kelas, tak sama homeroom dengan dia... sama dorm jauh sekali. (m/s 152)
- 10) Apahal ni KJ? **Kau** gelabah ni kenapa? **Kau** dah banyak kali kenakan orang, tak gelabah macam ni pun. (m/s 157)
- 11) **Kau** pun tau kan aku tak boleh ngan benda-benda macam ni! **Kau** cerita buat apa? (m/s 157)
- 12) **Kau** jangan banyak soal! **Kau** balik je sekarang!
- 13) **Kau** tengok macam sekarang ni. **Kau** dok rasa bersalah tak tentu pasal. (m/s 181)
- 14) **Dia** tak sedar setahun dah berlalu. **Dia** tak tahu yang aku dah lalui dah pun fasa berkabung untuk dia. (m/s 186)
- 15) **Aku** terkejut bila nampak dia. **Aku** mati-mati ingat dia dah move on. (m/s 186)
- 16) **Dia** pernah eksyen kat aku tau. **Dia** kata degil-degil aku ni... tumpas gak kat tangan dia. (m/s 187)
- 17) **Korang** baca la skrip tu. **Korang** akan faham kenapa keluarga yang mati tak bersuara. (m/s 217)
- 18) **Dia** kawan dengan aku bertahun. **Dia** akan pilih aku. (m/s 223)
- 19) Betul. **Kita** tak sepatutnya bagi dia menang. **Kita** patut dapat senior year terbaik yang kita nakkan selama ni. (m/s 227)
- 20) Sekali lagi, kau salah faham. **Aku** bukan tak puas hati. **Aku** cuma kata situasi ni pelik, tu je. (m/s 228)
- 21) **Aku** pun nak buat macam biasa. **Aku** pun nak ada senior year yang best. (m/s 229)
- 22) **Kau** nak cakap yang kau lagi merana la? **Kau** nak tukar tempat dengan aku? (m/s 237)

- 23) **Aku** nak tukar tempat dengan Troll. **Aku** rasa dia yang paling tenang antara kita semua sekarang ni. (m/s 237)
- 24) **Aku** tak boleh, Gibbs. **Aku** tak boleh... (m/s 254)
- 25) **Dia** bukan hantu, Gibbs. **Dia**... datang semula sekolah ni untuk bersama dengan kau. **Dia** kerja kat sini. Jadi cikgu kaunselor. (m/s 281)
- 26) **Kau** senang cakap. **Kau** ada awek yang sanggup datang sini teman kau. (m/s 286)
- 27) Yup. I just hope he doesn't freak out. **Aku** rasa, dia pun dah mula curiga dengan aku. **Aku** selalu mengendap dia. (m/s 75)
- 28) **Depa** dok kata ustaz, aku tukang sampaikan ja. **Depa** kata ustaz tunggu kat Blok B. (m/s 100)

Berdasarkan contoh gaya anafora di atas, semua ayat ini mengandungi pengulangan yang sama iaitu pengulangan kata ganti nama diri seperti *aku, kau, dia, korang, depa* dan *kita*. Menurut Jaafar dan Mohamad (2015), kebanyakan rujukan anafora biasanya terdiri daripada kata ganti nama atau kata penentu milik. Pengulangan ini berlaku disebabkan penekanan atau penegasan yang hendak ditonjolkan tentang siapa yang sedang bercakap atau tentang siapa yang sedang dimaksudkan.

- 1) **Sebab** apa? **Sebab** I bawak motor datang asrama? **Sebab** I pakai benda-benda branded? (m/s 33)
- 2) **Sebab** apa you kata macam tu? **Sebab** I boleh bawak motor gi sekolah? (m/s 81)
- 3) **Sebab** nilah... saya tarik diri dari... drama abang. **Sebab** nilah... (m/s 248)

Bagi ketiga-tiga contoh di atas, pengulangan yang berlaku adalah pada perkataan *sebab*. Jadi dapatlah disimpulkan bahawa penulis menerapkan pengulangan dalam ketiga-tiga dialog ini untuk menekankan tentang sebab musabab yang berlaku dalam sesuatu situasi.

- 1) **Ni** bukan bidang aku. **Ni** kan kepakaran kau. (m/s 39)
- 2) **Ayah** dia dok leka masa tu, bakar ikan. **Ayah** dia ingat abang dia jaga, tapi abang dia gi main dengan kawan-kawan. (m/s 68)
- 3) ...**Kalau** dia baran, dia baling-baling barang. **Kalau** yang happy-go-lucky, boleh jadi dia bersiul. (m/s 80)
- 4) **Pernah** ponteng prep? **Pernah** fly? (m/s 83)
- 5) **Pasal** Deepa. **Pasal** apa jadi kat dia sebelum parents dia bawak dia balik. (m/s 164)
- 6) **Macam**... biasa. **Macam** dia baru jumpa aku hari-hari sebelum tu. (m/s 186)
- 7) Masa tu dia kat rumah, Gibbs. **Jauh** dari sekolah ni. **Jauh** daripada tempat kejadian peristiwa tu. (m/s 198)
- 8) Produser la. **Kalau** buat telefilem, stesen TV yang tentukan segalanya. **Kalau** takde nama, diorang tak nak. (m/s 234)
- 9) **Tak** reti bole diajar, bang. **Tak** minat macammana nak suruh? (m/s 244)
- 10) **Tak** lama je lagi. **Tak** lama je lagi... (m/s 261)

- 11) Kau tak rasa ke itu yang dia cuba buat? **Untuk** kita semua jadi gila? **Untuk** persahabatan kita punah, tak macam dulu? (m/s 181)
- 12) Aku cakap je. **Kalau** kau nak siasat, siasat la. **Kalau** tak nak, takpe. (m/s 263)

Dalam beberapa contoh di atas, unsur pengulangan yang berlaku adalah bervariasi yang terdiri daripada kata nama seperti *ayah*, kependekan perkataan seperti *tak* dan *ni* dan juga perkataan-perkataan yang lain seperti *kalau*, *macam*, *pernah*, dan *pasal*. Pengulangan ini mempunyai sama fungsi seperti ayat anafora yang lain tetapi perbezannya hanya pada perkataan apa yang berulang.

Penggunaan kependekan kata seperti *tak* yang asalnya adalah *tidak* dan *ni* untuk ini menunjukkan penulis menggunakan bahasa yang santai dalam karya penulisannya. Selain itu, kependekan kata ini juga lebih cepat sampai kepada pembaca berbanding dengan bahasa Melayu yang mengandungi ayat yang penuh. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Hussin (2005) dalam Guat (2011) yang beranggapan bahawa bahasa ringkas tidak boleh menggantikan bahasa Melayu rasmi tetapi memungkinkan komunikasi menjadi lebih pantas.

- 13) **Kenapa** tak move on? **Kenapa** tak ikut macam Troll? (m/s 287)
- 14) **Kenapa** kau tak move on? **Kenapa** masih rasa bersalah dengan apa yang jadi sedangkan bukan kau yang bunuh kitorang pun? (m/s 288)
- 15) I mean, dah memang peraturan sekolah tak boleh bawak kenderaan sendiri kan? **Kenapa** you nak jugak bawak? **Kenapa** tak boleh ikut peraturan macam orang lain? (m/s 81)

Seterusnya adalah contoh pengulangan bagi perkataan *kenapa* yang diterapkan oleh penulis bagi menekankan ayat berupa pertanyaan. Pengulangan kata tanya menunjukkan bahawa watak dalam novel ini sangat menginginkan jawapan dan kepastian daripada watak yang sedang ditanya.

- 16) **I** dah jadi roommate dia 3 tahun. **I** tahu apa dia suka, apa dia tak suka. (m/s 33)
- 17) **I** tak sangka you nak buat I macam ni. **I** thought you were a nice girl. (m/s 44)
- 18) **I** ingat you lain. **I** thought, finally, I could open up to somebody.
- 19) **I** told you kan. **I** don't care enough about you to hate you.
- 20) **You** kata you percaya apa yang you nampak je kan? **You** tak nampak dalam hati I ada apa, tapi kenapa percaya jugak dengan andaian you sendiri tu? (m/s 81)
- 21) **I'm** sorry! **I'm** kidding, I'm kidding! You patut tengok muka you pucat lesi! (m/s 98)
- 22) **They** won't let us be exclusive. **They** would want to... share. (m/s 96)
- 23) **I** tahu pasal Ray kena pukul dengan Sofil. **I** nampak. (m/s 108)
- 24) Masa tu I pegi balik auditorium, tertinggal barang. **I** nampak Sofil tolak Ray masuk dalam control room. **I** intai, nampak dia tengah belah Ray. (m/s 109)
- 25) Look, Deepa. **I know** Ray way better than you do, okay? **I know** how to handle this. (m/s 109)
- 26) **You** won't know. **You** just have to trust me. (m/s 166)
- 27) **I** don't get nightmares, Gibbs. **I** get flashes when I'm awake. (m/s 180)
- 28) Taklah. **I** mintak slip nak pergi klinik. **I** memang tahu you selalu lepak sini. (m/s 42)

Selain daripada pengulangan perkataan bahasa Melayu, penulis juga menerapkan unsur pengulangan anafora dalam bahasa Inggeris seperti kata *I*, *you*, dan *they*. Walaupun pengulangan kata berlaku dalam bahasa Inggeris, namun fungsi dan maksud yang ingin disampaikan adalah sama dengan dalam bahasa Melayu. Penulis menggunakan pengulangan kata bahasa Inggeris yang terdiri daripada kumpulan Kata Ganti Nama (*Pronoun*).

Dalam novel Gantung ini juga terdapat unsur anafora pertukaran kod yang diterapkan oleh penulis. Pertukaran kod yang wujud adalah dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Menurut Baker (1993) dalam Jaafar (2015), peralihan kod atau *code-switching* berlaku apabila individu bertukar-tukar antara dua atau lebih bahasa dalam pertuturannya. Contoh dialog adalah seperti berikut:

- 1) **Aku** pun dah tak larat, Khalil. **I** think it's about time we move on, too. (m/s 269)
- 2) **Aku** nak kena bagi notis berhenti dulu. **I** work here, remember? (m/s 270)
- 3) **Aku** tak plan untuk buat macam ni. **I** wanted you to have a good senior year and end it with a bang. (m/s 271)
- 4) **I** know it's too much to ask. **Aku** tahu aku offer untuk handle benda ni sorang-sorang... (m/s 269)

Dalam beberapa contoh di atas, dapat dilihat bahawa pengulangan perukaran kod terjadi iaitu perkataan *aku* digunakan pada mulanya dan pengulangan *I* pula yang digunakan pada awal

klausa berikutnya. Jaafar (2015) menyatakan bahawa peralihan kod terjadi adalah untuk menegaskan sesuatu, ketiadaan perkataan dalam bahasa tersebut, untuk memudahkan ekspresi, untuk mengekspreskan identiti kumpulan dan status serta untuk melangkaui sempadan sosial atau etnik.

4.3.2.2 Anadiplosis

Menurut Dupriez (1991) dalam Essam (2014), anadiplosis merujuk kepada pengulangan perkataan atau kata-kata dalam klausa yang berturutan iaitu klausa yang kedua dimulai dengan perkataan yang sama dalam pengakhiran klausa pertama. Jadi, dapat disimpulkan bahawa anadiplosis adalah apabila pengarang menerapkan pengulangan kata yang terakhir dalam klausa pertama pada awal klausa yang berikutnya. Contoh bagi aspek gaya anadiplosis dapat dilihat dalam contoh yang berikut:

- i) Minggu lepas birthday **dia**. **Dia** mintak aku belikan dia perfume Body Shop. (m/s 30)

Dalam Contoh (i), pengarang telah mengulangi perkataan yang terakhir iaitu *dia* dalam klausa pertama pada awal klausa yang berikutnya. *Dia* yang dimaksudkan adalah seorang pelajar perempuan bernama Eva, yang meminta kawannya Khairil membelikan hadiah sebotol *perfume Body Shop* sebagai hadiah hari jadi. Melalui contoh ini, pengulangan kata *dia* menunjukkan aspek penekanan atau mesej penting yang ingin disampaikan tentang *dia* yang itu, dan bukan mana-mana *dia*. Walaupun pengulangan perkataan yang sama berlaku, namun ia menimbulkan konsep yang berbeza pada kata tersebut. Ayat anadiplosis diujarkan dengan nada yang semakin meningkat.

Selain daripada contoh yang telah dinyatakan di atas, pengkaji menemui beberapa contoh lain di bawah gaya anadiplosis. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Cuma I pelik kenapa dia macam benci sangat kat **I**. **I** nak tahu salah apa yang I pernah buat kat dia. (m/s 33)

- 2) Kalau macam tu, takpelah. Yang penting, sekarang I tahu I takde dosa dengan **dia**. **Dia** je yang sakit hati dengan I, walaupun I tak sakitkan hati dia. (m/s 33)
- 3) Kenapa awak cakap dengan **saya**? **Saya** bukan pengurus asrama. (m/s 36)
- 4) Lepas tu...aku rasa 'benda' tu bangun dari katil **aku**. **Aku** ingatkan dia blah sebab dah cukup puas hati dengan jawapan **aku**. **Aku** pun berpaling la ke dinding, nak sambung tidur. (m/s 61)
- 5) Waktu Cikgu Anum ke bilik dia, Cikgu Anum nampak meja study dia penuh dengan gambar-gambar **awak**. **Awak** ada guna-gunakan dia? (m/s 152)
- 6) Kau yang paling rapat dengan **dia**. **Dia** tak pernah bagitau kau apa-apa? (m/s 189)
- 7) Bilik **dia**. **Dia** punya suka. (m/s 209)
- 8) Ye! Aku tahu! Puas hati? Tapi Gibbs takkan percaya cakap **kau**! **Kau** siapa nak dibandingkan dengan aku? (m/s 223)
- 9) Bukan sebab aku menyampah dengan kau ke apa. Tapi ni kan kelab **kau**. **Kau** patut uruskan, bukan orang lain. Not even me. (m/s 231)
- 10) Hantu jenis ni tahu apa yang jadi pada **dia**. **Dia** ingat kehidupan dia masa masih bernyawa dulu dan terikat dengan sesebuah tempat. (m/s 240)
- 11) Kau memang tak pernah suka dia pun kan? Tapi satu ketika dulu dia kawan **aku**. **Aku** tetap nak tolong dia. (m/s 242)
- 12) Dia akan dapat bukti. Nanti dia makin menyampah kat **you**. **You** nak ke macam tu? (m/s 43)
- 13) Ada sekali tu masa rehearsal, Azman naik kat rel kat atas pentas tu, tunggu cue nak turunkan prop – sekali rasa macam ada benda bernafas belakang **dia**. **Dia** pusing belakang, takde siapa pun. (m/s 243)
- 14) Jangan risau pasal **aku**. **Aku** dah biasa benda-benda macam ni. (m/s 270)
- 15) **Aku**. **Aku** panggil. (m/s 276)
- 16) ...aku ada masa tu. Dia pakai untuk memperingati **kau**. **Kau** tahulah Fara, kalau dia pakai tangkal tu pun takde efek. (m/s 281)
- 17) I don't know. Ni territory **aku**. **Aku** paling syok kat sini. (m/s 288)

Berdasarkan contoh-contoh di atas, unsur anadiplosis berlaku dengan menggunakan beberapa perkataan seperti *aku*, *saya*, *kau*, *awak*, *dia*, *I* dan *you*. Semua perkataan yang digunakan ini adalah tergolong dalam kumpulan Kata Ganti Nama Diri.

Seterusnya, penggunaan kata yang digunakan oleh penulis bagi unsur anadiplosis ini adalah singkatan kata atau kependekan kata. Misalnya, perkataan *tidak* menjadi *tak*, *hendak* menjadi *nak*, dan *ini* menjadi *ni*. Menurut Kridalaksana (2007) dalam Probowati (2008), kependekan kata merupakan hasil dari proses pemendekan atau dalam istilah lain disebut abreviasi. Dalam bahasa Melayu, terdapat banyak unsur kependekan yang digunakan seperti *itu* menjadi *tu*, *tidak* menjadi *tak* dan sebagainya. Eng (2003) menyatakan singkatan seringkali digunakan dalam pertuturan kerana perkataan tersebut sudah terlalu biasa digunakan selain

dapat mempercepat penyampaian sesuatu mesej. Oleh yang demikian, penulis cuba menerapkan unsur singkatan dalam novel ini bagi mengetengahkan tentang cara atau gaya perbualan yang masyarakat kita sering ujarkan pada masa kini. Berikut merupakan beberapa contoh dialog anadiplosis yang mengandungi unsur singkatan:

- 18) **Tak. Tak** pernah. (m/s 32)
- 19) You hantarlah gambar tu kat siapa-siapa yang you **nak. Nak** letak kat Facebook, Twitter ke... suka hati you lah. (m/s 44)
- 20) Ni ha, air mineral pun ada dalam beg I kalau **nak. Nak** tak? (m/s 65)
- 21) ...Cuma aku rasa ada masalah lain yang lebih dalam daripada **ni. Ni** sekadar cara kau handle masalah-masalah tu je. (m/s 90)
- 22) **Tak. Tak** pernah. Dia sentiasa hensem. (m/s 213)

Seterusnya, pengulangan anadiplosis yang wujud dalam novel ini terdiri daripada kata nama am, kata yang menunjukkan masa, dan kata kerja. Semua contoh dialog unsur anadiplosis menunjukkan penekanan tentang apa yang sedang diperkatakan. Wales (2001) dalam Raji dan Ajadi (2013) berpendapat pengulangan anadiplosis digunakan untuk lebih memperkukuh atau menguatkan lagi perkembangan sesuatu idea. Berikut merupakan 8 contoh unsur anadiplosis yang dijumpai oleh pengkaji yang menggunakan kata nama am, kata menunjukkan masa, dan kata kerja:

- 1) **Tolong? Tolong** apa? (m/s 33)
- 2) Abang I ada **geng. Geng** abang I boleh belasah Sofil tu balik. (m/s 109)
- 3) Betul? Dia tak kisah kita **sebarkan? Sebarkan** jelah kalau camtu! (m/s 172)
- 4) Gibb. Kau balik **sekarang. Sekarang** jugak. Tinggal je minahtu situ. (m/s 176)
- 5) How?! Minah tu dah **mati! Mati** sebab kita!
- 6) **Memang. Memang** aku nak mampus pun. (m/s 236)
- 7) Sejak kau muncul tu aku mula... **ingat. Ingat** apa yang jadi. (m/s 284)
- 8) **Pilihan? Pilihan** apa yang aku ada? Bernyawa tak bermaksud aku boleh hidup. (m/s 289)

4.3.2.3 Epistrop

Corbett (1991) dalam Cui & Zhao (2016) menyatakan bahawa epistrop adalah pengulangan perkataan atau gugusan kata yang sama pada akhir klausa secara berturut-turut. Contohnya adalah seperti berikut:

- i) Kalau I ada motor sendiri, I tak payah susahkan **pakcik bas, pakcik teksi, pakcik van sekolah**. (m/s 82)

Dalam Contoh (i) di atas, dialog ini berlaku antara watak utama iaitu Gibran dengan Farah apabila Gibran mahu menyatakan bahawa sekiranya dia pergi ke sekolah dengan menggunakan kenderaan sendiri, maka dia tidak perlu menyusahkan orang lain seperti pemandu bas, pemandu teksi, dan pemandu van sekolah. Penulis telah menerapkan unsur pengulangan gugusan perkataan yang sama dan berstruktur iaitu *pakcik bas, pakcik teksi, pakcik van sekolah* bagi menunjukkan Gibran ingin menekankan dan menegakkan prinsip yang dia sudah lama pegang iaitu dengan tidak menyusahkan orang lain. Pengulangan jenis ini menyebabkan perkataan yang dituturkan oleh seseorang itu mempunyai irama dan susah untuk dilupakan serta pendengar akan menerima dan faham bahawa penutur berkeras tidak menyusahkan mana-mana pemandu kenderaan sekalipun.

Penulis Nadia Khan tidak banyak menggunakan unsur epistrop dalam dialog ujaran. Selain daripada contoh di atas, terdapat tiga lagi contoh bagi gaya bahasa ini. Katrandjiev, Velinov, & Radova (2016) menyatakan unsur epistrop ini memberikan gambaran kepastian dan sikap terhadap sesuatu masalah dan pengulangan jenis ini memudahkan penerima dalam menerima idea dan menimbulkan emosi ke arah idea tersebut. Antara dialog-dialog epistrop adalah seperti berikut:

- 1) Diorang jadi resah... dan bila **diorang resah, diorang jadi marah. Diorang mula porak-perandakan** semua benda. (m/s 62)
- 2) Apa yang I faham tentang diorang ni... **diorang nampak apa yang diorang nak nampak**. Dengar apa yang diorang nak dengar. (m/s 79)

- 3) Ala, boring lah! Dahlah **makna skema**, takkan **bapaknya pun skema**. Takde variety la macam tu. (m/s 82)

4.3.3 Gaya Pengguguran

4.3.3.1 Elipsis

Menurut Halliday dan Hassan (1976) dalam Hasan (2007), elipsis adalah pelepasan sebuah unsur bahasa atau lebih dikenali sebagai penggantian dengan zero (nol). Elipsis atau penghilangan adalah salah satu jenis gaya bahasa yang mengalami pengguguran frasa disebabkan frasa itu telah disebutkan dalam klausa sebelumnya. Sebagai contoh:

- i) Kat mana? (m/s 55)

Dalam Contoh (i) ini, penulis menceritakan perihal tentang watak utama iaitu Gibran yang ingin mengetahui lokasi rumah makcik Farah. Contoh ayat *kat mana?* merupakan ungkapan di mana penulis menggugurkan predikat ayat tersebut iaitu "*rumah makcik you*". Pengguguran yang berlaku ini tidak menjejaskan makna yang ingin disampaikan oleh penulis kerana makna frasa boleh difahami daripada perbualan yang sebelumnya. Perbualan sebelumnya ialah:

Gibran: "You... nak balik kampung ke?"

Farah: "Taklah. Rumah makcik I. Cousin I sakit."

Gibran: "Kat mana?"

Berdasarkan perbualan di atas, jelaslah bahawa Farah dapat memahami soalan yang ditanya oleh Gibran disebabkan oleh dialog yang sebelumnya. Gaya elipsis adalah antara gaya yang jarang diterapkan oleh penulis dalam dialog. Beberapa contoh lain yang ditemui oleh pengkaji dapat dilihat seperti di bawah:

- 1) Aku. (m/s 10)
- 2) Benda tu bertenggek je atas tu? Ha'ah, bertenggek je. (m/s 25)
- 3) Tak. (m/s 39)

Bagi contoh yang pertama iaitu *aku*, penulis menceritakan tentang Ray, seorang pelajar lelaki yang menjawab persoalan kawannya tentang “*siapa yang dapat undian kedua tertinggi?*” dan Ray hanya membalas dengan jawapan *aku*. Ayat ini sepatutnya menjadi ayat yang lengkap seperti berikut “*aku yang mendapat undian kedua tertinggi*”. Undian yang dimaksudkan adalah undian bagi pemilihan jawatan Ketua Pelajar di Sekolah Menengah Cemerlang Gemilang Terbilang (SMCGT). Contoh yang kedua pula, apabila ditanya soalan “*benda tu bertenggek je atas tu?*”, jawapan yang sepatutnya diberikan adalah “*ha’ah, benda tu bertenggek je atas tu*”. Contoh yang terakhir pula ialah jawapan “*tak*” adalah hasil daripada soalan yang berbunyi “*kau free?*”. Jawapan ringkas ini sepatutnya menjadi ayat yang lengkap iaitu “*aku tak free*”.

4.3.3.2 Asindeton

Menurut Keraf (2009) dalam Asmaniah (2015), asindeton adalah gaya bahasa yang mengandungi kata, frasa, atau klausa yang bersambung tanpa kata hubung, biasanya dipisahkan oleh koma. Menurut Bilal & Cheema (2012), gaya asindeton menghasilkan irama yang tepat dalam sesuatu ayat. Contoh bagi gaya ini dapat dilihat dalam dialog di bawah:

- i) Ada 3 pilihan. **Bedak, susu tepung, serbuk kunyit**. Mana satu kau nak? (m/s 12)

Penulis telah menampilkan gaya asindeton melalui contoh ayat (i) iaitu “*Ada 3 pilihan. Bedak, susu tepung, serbuk kunyit. Mana satu kau nak?*”. Berdasarkan contoh ayat ini, penulis menghubungkan kata dan frasa tanpa menggunakan kata hubung, sebaliknya hanya menggunakan tanda koma (,) sahaja. Jika penulis memasukkan kata hubung ke dalam ayat ini, maka ia akan menjadi seperti berikut iaitu “*bedak, susu tepung, dan/atau serbuk kunyit*”. Ayat ini menerangkan tentang Khairil telah bertanya kepada seorang pelajar lelaki yang hendak menggunakan khidmatnya untuk mengenakan orang. Khairil menawarkan beberapa pilihan yang perlu dipilih oleh pelajar lelaki tersebut.

- 1) Penulis ada menerapkan gaya asindeton ke dalam beberapa dialog lain dalam novel ini. Contoh-contoh Yang bestnya, **aku bungkus Maggi tu cantik-cantik, letak bawah meja dia dalam kelas.** (m/s 31)
- 2) I dah jadi roommate dia 3 tahun. I tahu **apa dia suka, apa dia tak suka.** (m/s 33)

Bagi contoh Ayat (1) dan (2), penulis tidak menggunakan kata hubung untuk menghubungkan frasa-frasa yang ada dalam ayat. Ketiadaan penggunaan kata hubung tidak menjejaskan ayat kerana ia tidak melanggar hukum tatabahasa dan makna sebenar ayat masih dapat difahami. Sekiranya penulis memasukkan kata hubung, maka ayat ini akan menjadi seperti berikut iaitu “...*aku bungkus Maggi tu cantik-cantik dan letak bawah meja dia dalam kelas*” dan “*I tahu apa dia suka dan apa dia tak suka*”.

- 3) **I tanya atas motor, you tak dengar.** (m/s 64)
- 4) **Kang bukan I, anak dia yang bonceng motor you...** (m/s 71)

Bagi kedua-dua contoh di atas iaitu Ayat (6) dan Ayat (7), dapat dilihat bahawa tiada penggunaan kata hubung yang digunakan untuk menghubungkan frasa-frasa dalam ayat. Namun begitu, ayat-ayat ini masih gramatis dan betul. Jika penulis memasukkan kata hubung ke dalam contoh-contoh ini, ia akan menjadi seperti berikut iaitu “*I tanya atas motor tapi you tak dengar*” dan “*kang bukan I tapi anak dia yang bonceng motor you*”.

Selain daripada contoh-contoh yang telah diberi di atas, terdapat beberapa contoh lagi bagi penggunaan gaya bahasa asindeton. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

- 5) Masaklah **kau kena stalk dengan awek psycho tu pasni, dia dah tau line clear.** (m/s 34)
- 6) **Tadi bas satu lagi dah datang, ambik semua orang.** (m/s 59)
- 7) **Kau sendiri pernah cakap, benda-benda ni tak boleh dibiarkan lama.** (m/s 62)
- 8) **...Bawak naik motor seround, gi makan, balik.** Dah setel. (m/s 173)
- 9) ...ada yang boleh **ramal masa depan, baca perasaan orang, tengok hantu.** (m/s 214)
- 10) Hanni Maisara **pelakon popular tu, dulu sekolah sini jugak kan?** (m/s 232)

Semua contoh ini mengandungi frasa yang dihubungkan tanpa menggunakan kata hubung, tetapi hanya menggunakan tanda koma sahaja.

4.3.3.3 Polisindeton

Menurut Keraf (1984), gaya polisindeton adalah gaya yang bertentangan dengan gaya asidenton iaitu beberapa kata, frasa, atau klausa yang berurutan dihubungkan satu sama lain dengan kata hubung. Bagi gaya bahasa jenis ini, pengkaji mendapati bahawa penulis tidak menerapkan unsur polisindeton dalam novel penulisannya iaitu novel *Gantung*.

4.3.4 Gaya Hiperbaton

4.3.4.1 Aposisi

Aposisi merupakan gaya bahasa di mana frasa atau klausa yang kedua berfungsi sebagai unsur penerang atau penjelas kepada frasa atau klausa sebelumnya. Favre dan Dilek (2009) menyatakan bahawa aposisi adalah pembinaan tatabahasa yang melibatkan dua frasa yang saling berkaitan, salah satunya yang mentakrifkan atau mengubahsuai yang lain. Contohnya adalah seperti berikut:

- i) Dan Lina? Kalau ada apa-apa gangguan di bilik awak, cepat-cepat bagitau cikgu. (m/s 218)
- ii) Ni Deepa, roommate aku. (m/s 20)

Dalam Contoh (i) di atas, klausa yang kedua iaitu *cepat-cepat bagitau cikgu* merupakan unsur penerang bagi klausa yang sebelumnya iaitu *kalau ada apa-apa gangguan di bilik awak*. Dialog ini dituturkan oleh seorang kaunselor sekolah kepada anak muridnya, Lina untuk cepat-cepat menghubunginya jika ada apa-apa hal yang terjadi di bilik pelajar tersebut.

Bagi Ayat (ii) pula, watak utama novel iaitu Farah, telah memperkenalkan teman sebiliknya iaitu Deepa kepada Ray dan Gibran. Dalam ayat ini, dapat dilihat bahawa frasa yang kedua iaitu *roommate aku* berfungsi sebagai penerang kepada klausa yang pertama iaitu *ni Deepa*.

4.3.4.2 Parenthesis

Parenthesis adalah penyisipan kata atau frasa yang dipisahkan oleh tanda baca (Dehan & Yaakob, 2017). Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) mendefinisikan parenthesis sebagai kata, frasa atau ayat yang disisipkan sebagai maklumat atau penjelasan lanjut dalam sesuatu ayat atau teks, biasanya dipisahkan dengan diapit tanda koma, tanda sempang atau tanda kurung. Berikut merupakan contoh-contoh ayat atau frasa yang dipisahkan oleh tanda baca sempang:

- i) Dia okay. Pengsan je, but they're taking him anyway. Yang teruknya sorang lagi budak. It was horrible – blood everywhere. (m/s 102)

Berdasarkan contoh yang telah diberi diatas, penulis menyisipkan klausa tanpa menggunakan kata hubung sebaliknya hanya menggunakan tanda sempang. Dalam konteks peristiwa, penulis ingin menerangkan hal tentang seorang pelajar lelaki yang nakal iaitu Arul. Penggunaan gaya parenthesis adalah untuk menggambarkan tentang keadaan pelajar tersebut yang sangat parah atau teruk iaitu dirinya berlumuran dengan darah yang banyak.

Terdapat lagi contoh-contoh lain yang menggunakan unsur parenthesis. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Malam tadi masa nak tidur, aku teringat – nama pena yang dia pakai, Haskell. (m/s 23)
- 2) Aku cuma tahu satu Haskell dalam dunia penulisan – Mary Elizabeth Haskell. (m/s 23)
- 3) Rupa-rupanya dia tak basuh pad – setan yang hisap darah kat pad dia tu boleh detect tu darah siapa, lepas tu hisap direct je dari dia! (m/s 27)
- 4) Okay. Satu terer gila setan ni dapat detect darah siapa dari pad orang – apasal polis tak ambik dia kerja? (m/s 27)
- 5) Haah. Antara yang dia pernah tanya ‘Kenapa kau dah tak nak bercakap dengan aku?’ ... ‘Salah aku ke, apa yang jadi?’ – along those lines la. (m/s 60)
- 6) Aku tahan nafas aku sendiri. Bajet macam hantu Cina la – kalau tahan nafas, dia tak kacau. (m/s 61)
- 7) Err... jangan lupa cakap macam ni – Tabik, datuk nenek. Anak cucu tumpang kencing. (m/s 65)
- 8) Okay – satu, kau takleh nak cakap aku straight ke tak sebab aku sendiri pun belum tahu lagi. (m/s 89)
- 9) Dia kata – selagi aku ada, aku akan... (m/s 114)
- 10) Cuma, malam kang bila dia dah tidur, aku curi-curi amik phone dia – supaya dia terima request service provider aku untuk locate signal dia. (m/s 119)

- 11) Dia duduk je pun, tak kacau apa-apa. Tapi kalau ada budak tegur ke, bercerita pasal dia – jadi macam-macam lah. (m/s 121)
- 12) Rogol maruah, lagi parah – ni ayat kau kan? (m/s 127)
- 13) Something meaningful like that – mesti diorang dah ada apa-apa. (m/s 131)
- 14) Jadi – kalau ikut cerita Deepa, sangkaan Ray dan tracker aku, sahlah la member kita ni tengah bercinta?
- 15) Dia dok kata kau tikam belakang kitorang, pasal apa pulak kitorang sanggup backing kau – sanggup reject lauk free semata-mata sebab kau tak suka dia. (m/s 134)
- 16) I have to admit – budak tu spesis pelik. (m/s 136)
- 17) Still! Kata tadi sama kes – kira macam abang panggil saya slut jugaklah! (m/s 141)
- 18) I don't know. Sounds a little too fishy – knowing that Ray wasn't on board with the whole idea. (m/s 156)
- 19) That girl was killed in the auditorium, but she's attached to the school – so sometimes she wanders about. (m/s 162)
- 20) Aku dok pikir – mungkin sebab tu dia bunuh diri. (m/s 181)
- 21) Orang depressed ni ubatnya satu je – mati! Bunuh diri macam minah Deepa tu. Baru setel! (m/s 183)
- 22) Apa yang aku tahu masa tu cuma aku tak sanggup nak lalui rasa sakit sekali lagi – sakit sebab hilang dia. (m/s 186)
- 23) Mungkin diorang dah plan semua ni, untuk kenakan kau – kenakan kita. (m/s 209)
- 24) Kalau kau betul-betul rasa tak masuk akal, fine. Tapi kalau ada ketika yang membuatkan kau kata 'Ada logiknya jugak sikit' – tolonglah jangan buat tak peduli je. (m/s 229)
- 25) Ada sekali tu masa rehearsal, Azman naik kat rel kat atas pentas tu, tunggu cue nak turunkan prop – sekali rasa macam ada benda bernafas belakang dia. (m/s 243)
- 26) Saya selalu kena kacau. Sampai ke bilik abang ni pun, saya kena kacau lagi – tengok! Pintu tu tiba-tiba terhempas macam tu... (m/s 248)
- 27) Kalau lepas pementasan tu tak berkesan jugak – aku janji, kita blah. Kau, dengan aku sekali. Tinggalkan je tempat ni. (m/s 269)
- 28) Kau nak ke kita jadi watak-watak bodoh dalam filem seram tu? Yang kita semua dok jerit 'Blah la dari situ! Blah la!' tapi kita dok nak siasat lagi – alih-alih tak dapat apa pun. (m/s 269)
- 29) Kau nak suruh aku berlakon jadi mangsa kena gantung – gila kau, kena la ambik langkah berhati-hati! (m/s 276)
- 30) Kau cakap kau boleh buat apa yang aku tak mampu buat – fine. Tapi aku tak sangka dalam banyak-banyak benda, kau sanggup... (m/s 282)
- 31) Kau takleh handle. Tengok la baru-baru ni – kan kau gelabah! (m/s 285)
- 32) ... aku pun pernah ragui kau masa aku ingat Jeremy tu kau – sebab mangkuk ni la! Dengan teori genius dia tu! (m/s 286)
- 33) Kau tengok – dek kerana awek aku la, Ray ni datang sini. Kalau tak, tak merasa kita nak jumpa Ray. (m/s 287)

Semua contoh di atas mempunyai persamaan di mana klausa-klausa disisipkan dengan tanda sempang. Klausa selepas tanda sempang adalah maklumat tambahan yang penting dan perlu diketahui oleh pembaca bagi memahami cerita dengan lebih mendalam.

4.4 Skema Retorik Mempengaruhi Watak dan Plot

Berdasarkan data kajian yang telah diperolehi, dapat disimpulkan bahawa skema pengulangan adalah unsur retorik yang paling banyak digunakan dalam novel *Gantung*. Bagi objektif yang ketiga pula, pengkaji menjalankan kajian dengan melihat watak dalam novel yang menggunakan skema retorik untuk mempengaruhi watak yang lain. Sebagai contoh, hal ini dapat dilihat pada watak utama novel iaitu Gibran yang pada suatu ketika sedang berbalah dengan Farah. Dialog yang Farah tuturkan adalah seperti berikut:

I mean, dah memang peraturan sekolah tak boleh bawak kenderaan sendiri kan?

Kenapa you nak jugak bawak? ***Kenapa*** tak boleh ikut peraturan macam orang lain?

(m/s 81)

Berdasarkan dialog di atas, penerapan skema pengulangan anafora dapat dilihat di mana perkataan *kenapa* pada awal klausa kedua telah diulang dalam klausa yang seterusnya. Pengulangan perkataan ini menunjukkan bahawa Farah menekankan soalan tentang kenapa Gibran bertindak sedemikian rupa. Soalan yang ditanya telah diulang sebanyak dua kali menyebabkan penutur menginginkan jawapan yang relevan daripada pendengar dengan segera. Dialog ini telah menyebabkan perkembangan plot menjadi semakin sengit kerana Gibran mencantas persoalan yang diutarakan oleh Farah dengan jawapan seperti berikut:

Bukan I yang berkeras nak bawak motor tu, Parents I yang beriya-iya. Ikut cakap

mak bapak tu bukan wajib ke? (m/s 81)

Situasi antara Farah dan Gibran menunjukkan skema pengulangan dapat mempengaruhi dan mengembangkan lagi plot ke arah yang agak serius, misalnya perbalahan antara watak.

Seterusnya, dialog yang mengandungi skema pengulangan bagi gaya anadiplosis pula adalah seperti berikut:

Bilik dia. Dia punya sukalah. (m/s 209)

Dialog ini berlaku antara watak utama novel iaitu Gibran dengan sahabat baiknya, Khairil. Dalam dialog ini, skema pengulangan bagi gaya anadiplosis dapat dikesan kerana perkataan *dia* di akhir frasa satu telah diulang di awal klausa berikutnya. Gibran yang menuturkan dialog ini menunjukkan bahawa dia ingin menekankan bahawa bilik itu kepunyaan *dia*, jadi *dia* berhak untuk melakukan apa sahaja tanpa perlu meminta keizinan daripada orang lain. Dialog ini muncul setelah sahabat Gibran iaitu Khairil memburuk-burukkan hal peribadi *dia* iaitu Farah di hadapannya.

Gaya anadiplosis memperlihatkan kepada kita bahawa skema pengulangan bukan sahaja dapat mempengaruhi sesuatu watak malahan memberi kesan kepada watak tersebut. Hal ini dapat dilihat setelah Gibran menuturkan dialog tersebut, ia menyebabkan Khairil hanya berdiam diri kerana menyedari bahawa dia telah tersalah bicara.

Bagi skema pengguguran pula, khususnya untuk aspek elipsis, contoh dialog adalah seperti berikut:

Kat mana? (m/s 55)

Dialog ini telah dituturkan oleh Gibran ketika hendak pulang ke rumahnya. Dalam perjalanan, dia telah terserempak dengan Farah yang terkandas di tepi jalan disebabkan berlakunya kerosakan bas. Jadi, Gibran telah bertegur sapa dengan Farah bertanyakan tentang di mana rumah ibu saudara Farah. Dialog penuh berbunyi seperti berikut:

Gibran: "You... nak balik kampung ke?"

Farah: Taklah. Rumah makcik I. Cousin I sakit.

Gibran: Kat mana?

Farah: Tanjung Malim

Dalam situasi ini, pengguguran predikat telah berlaku dalam ayat “*kat mana?*”. Ayat ini sepatutnya berbunyi begini “*kat mana rumah makcik you?*”. Pengguguran yang berlaku ini tidak menjejaskan perbualan kerana maksud ayat masih boleh difahami berdasarkan dialog sebelumnya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa skema pengguguran dapat mempengaruhi watak dan perkembangan plot walaupun berlakunya pengguguran predikat. Hal ini dapat dilihat setelah Gibran bertanya “*kat mana?*”, Farah membalas dengan jawapan “*Tanjung Malim*”. Pertanyaan Gibran telah dijawab oleh Farah kerana Farah masih memahami makna soalan tersebut berdasarkan dialog mereka yang sebelum ini.

Skema hiperbaton juga diterapkan oleh penulis dalam penulisan novelnya. Berikut merupakan contoh skema hiperbaton bagi gaya aposisi:

Ni Deepa, roommate aku. (m/s 20)

Perbualan ini berlaku antara Farah yang sedang memperkenalkan *roommatenya* kepada Gibran dan Ray. Contoh ini dikatakan mempunyai unsur gaya aposisi kerana frasa yang kedua berfungsi sebagai penerang atau penjelas kepada frasa yang pertama. Oleh yang demikian, pendengar akan faham apa yang hendak disampaikan. Selain itu, gaya aposisi ternyata dapat mempengaruhi watak dan perkembangan plot kerana setelah Farah menuturkan dialog ini, Ray membalas dan perkembangan plot menjadi seperti ini:

Ray: Dia bisu?

Farah: Excuse me?

Ray: Kenapa kau kena jadi jurucakap dia?

Farah: Dia pemalu la...

Perbualan yang dimulai dengan isu tentang memperkenalkan sahabat telah menyebabkan Ray berasa pelik kerana Farah yang asyik bercakap mengenai *roommatenya*

Deepa, tetapi Deepa hanya berdiam diri di sebelah Farah sahaja. Hal ini menjadikan Ray terus bertanya tentang apa yang bermain di fikirannya dan soalan yang diutarakan ini menunjukkan keadaan Ray yang agak beremosi.

Gaya retorik yang kedua di bawah hiperbaton ialah gaya parentesis. Gaya ini adalah ayat yang dipisahkan oleh tanda baca koma, tanda sempang, dan tanda kurungan. Dalam novel ini, penulis banyak menerapkan penggunaan parentesis tanda sempang. Contohnya adalah seperti berikut:

Orang depressed ni ubatnya satu je – mati! Bunuh diri macam minah Deepa tu. Baru setel!

(m/s 183)

Dialog ini dituturkan oleh Khairil kepada Gibran. Jika diteliti dengan lebih mendalam, dapat kita lihat ayat ini bernada serius yang mana maksud yang ingin disampaikan adalah berat mesejnya. Khairil menyatakan bahawa orang yang mengalami kemurungan hanya mempunyai satu cara sahaja untuk pulih iaitu dengan membunuh diri. Dialog yang dituturkan oleh Khairil telah menyebabkan Gibran naik darah kerana kata-katanya yang tajam dan tidak menghiraukan perasaan orang lain. Penggunaan gaya parentesis adalah untuk menambah maklumat penting dan membuatkan pembaca lebih memahami sesuatu ayat itu. Gaya retorik ini dilihat dapat mempengaruhi watak dan memperkembangkan lagi plot dalam novel.

4.5 Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, hampir kesemua unsur gaya retorik skema Corbett & Connors (1999) dijumpai dalam teks novel. Kajian telah dijalankan ke atas dialog-dialog yang wujud dalam novel ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan unsur pengulangan adalah paling banyak diterapkan oleh penulis dalam penulisan novel *Gantung*. Seterusnya, gaya kedua yang tertinggi ialah unsur hiperbaton diikuti dengan gaya pengguguran dan akhir sekali yang paling sedikit digunakan adalah gaya keseimbangan.

4.5.1 Skema Pengulangan

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa skema pengulangan menjadi pilihan penulis. Dalam skema pengulangan, gaya anafora yang paling banyak digunakan diikuti oleh anadiplosis dan akhir sekali epistrop. Dapatan ini disokong oleh kajian Dehan & Yaakob (2017) yang mengatakan hal ini berlaku demikian kerana penggunaan gaya pengulangan dapat membantu pengarang menegaskan dan menonjolkan maksud, idea atau hujah yang penting dalam sesebuah karya. Selain itu, menurut Ekawati, Sumarwati & Anindyarini (2012), gaya pengulangan adalah satu cara untuk menarik perhatian pembaca ke dalam keseluruhan cerita yang tampaknya kecil. Gaya ini memberikan penekanan pada hal-hal yang dianggap penting dan akan diulang beberapa kali sehingga pembaca mudah memahami apa yang ingin ditekankan dalam cerita tersebut.

4.5.2 Skema Hiperbaton

Seterusnya, bagi skema hiperbaton pula, gaya parentesis yang paling banyak digunakan diikuti oleh gaya aposisi. Berdasarkan dapatan kajian, gaya parentesis yang diterapkan oleh penulis adalah ayat yang mengandungi tanda sengkang. Riquet, Ittensohn, Schoch & Rivera (2015) mengatakan bahawa tanda sengkang menunjukkan gangguan kepada idea utama ayat atau penekanan yang ditekankan terhadap ayat berikutnya. Hal ini menunjukkan bahawa frasa atau klausa selepas tanda sengkang adalah maklumat tambahan yang penting untuk pembaca tahu supaya keseluruhan ayat dapat difahami dengan lebih baik.

4.5.3 Skema Pengguguran

Bagi skema pengguguran, gaya asindeton adalah gaya yang paling banyak diterapkan dalam penulisan novel diikuti dengan gaya elipsis. Walaupun gaya pengguguran wujud dalam teks novel, namun ia tidak menjejaskan sesuatu ayat malahan ia menunjukkan kebijaksanaan penulis dalam mengolah ayat dalam novel. Hal ini disokong oleh Rahmawati (2014) dalam

Dehan & Yaakob (2017) yang menyatakan bahawa pengguguran perkataan tidak menjejaskan pemahaman pembaca atau pendengar terhadap idea atau maklumat yang hendak disampaikan.

4.5.4 Skema Keseimbangan

Skema retorik yang terakhir berpandukan kepada Kerangka Retorik Corbett & Connors (1999) adalah skema keseimbangan. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa skema keseimbangan tidak diterapkan oleh penulis dalam novelnya. Gaya paralelisme dan antitesis tidak dijumpai dalam novel ini manakala gaya isokolon wujud dalam novel ini. Dapatan kajian yang diperolehi dalam novel *Gantung* adalah bertentangan sama sekali dengan kajian Dehan & Yaakob (2017). Dehan & Yaakob (2017) mendapati bahawa skema keseimbangan paling banyak diterapkan dalam novel kajian mereka. Jelaslah di sini bahawa tidak semua penulis gemar menerapkan gaya keseimbangan dalam penulisan mereka. Perbezaan gaya retorik yang wujud dalam karya seseorang penulis tidak menjejaskan hasil penulisannya kerana setiap penulis mempunyai cara dan gaya mereka yang tersendiri dalam menyampaikan idea mahupun gagasan.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan merumuskan dapatan penting daripada analisis kajian dan seterusnya perbincangan melewati aspek implikasi kajian serta lontaran cadangan lanjutan.

5.2 Ringkasan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji unsur gaya retorik skema yang digunakan oleh Nadia Khan dalam novel *Gantung* terbitan *Fixi*. Kajian ini berfokus kepada tiga objektif iaitu mengenal pasti penggunaan retorik gaya skema yang terdapat dalam novel *Gantung*, menghuraikan penggunaan retorik gaya skema yang terdapat dalam novel *Gantung*, dan mengkaji kesan signifikan retorik skema terhadap perkembangan watak dan plot dalam novel ini.

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dan kaedah analisis teks untuk mengenal pasti penggunaan retorik skema dalam novel *Gantung* karya Nadia Khan. Dalam konteks ini, tinjauan dilakukan melalui analisis teks terhadap penggunaan gaya retorik skema yang digarap oleh penulis dalam novel *Gantung*. Kajian dijalankan berpandukan kepada Retorik Skema dalam kerangka Retorik Corbett & Connors (1999). Pengkaji telah menjalankan kajian dengan menganalisis teks berupa dialog dalam novel ini dan sumber rujukan tambahan seperti jurnal-jurnal ilmiah yang berkaitan dengan tajuk kajian juga ada digunakan.

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa penulis tidak menerapkan semua gaya retorik skema dalam karya penulisannya. Gaya pengulangan merupakan retorik gaya skema yang paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 99 kali. Gaya kedua yang tertinggi ialah gaya hiperbaton, iaitu 36 kali. Seterusnya, diikuti oleh gaya pengguguran yang digunakan

sebanyak 15 kali. Gaya keseimbangan merupakan gaya yang paling sedikit diterapkan oleh penulis dalam novel *Gantung*, iaitu sebanyak 1 kali sahaja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya paralelisme, antitesis, dan polisindeton tidak wujud dalam novel *Gantung*. Pengkaji kemudiannya menghuraikan contoh-contoh yang dijumpai bagi setiap gaya retorik skema dalam novel ini untuk melihat fungsi semua unsur retorik ini digunakan.

Kesimpulannya, retorik skema Corbett & Connors (1999) ada diterapkan oleh penulis dalam penulisan novel *Gantung*. Walaupun tidak semua retorik skema wujud dalam novel ini, namun sebahagian daripadanya masih ada dan diaplikasikan ke dalam bidang penulisan. Retorik skema yang digunakan dilihat dapat mempengaruhi watak dan perkembangan plot novel yang mana watak dan plot berubah menjadi serius atau tenang bergantung pada unsur gaya retorik yang wujud.

5.3 Implikasi Kajian

Beberapa implikasi yang dapat diketengahkan adalah yang mencakupi implikasi kepada pelajar dan penulis. Setelah ditelusuri dengan lebih mendalam, gaya retorik sememangnya penting dalam penulisan mahupun pengucapan. Menurut Jesus M. Larrazabal & Kepa Korta (2015) dalam Abu Bakar & Hamzah (2016), retorik bukan sahaja penting untuk mengemukakan penghujahan, tetapi juga untuk menghasilkan, menganalisis dan menilai bentuk wacana yang digunakan untuk memujuk. Dehan & Yaakob (2017) pula menyatakan retorik sebagai satu seni bahasa yang estetik, menarik dan digunakan untuk mempengaruhi, memujuk, memaklumkan serta menarik perhatian pembaca atau pendengar untuk bertindak mengikut saranan yang diberikan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa retorik penting dalam membantu para penulis berkarya. Melalui retorik, penulis dapat menyampaikan idea utama, gagasan, dan sebagainya kepada pembaca. Hal ini memberi kesan kepada pembaca kerana penerapan retorik dapat

memujuk atau mempengaruhi mereka. Hasil penulisan yang baik daripada seorang penulis dapat menyampaikan mesej dengan baik dan sekaligus membuatkan pembaca suka dan percaya dengan seseorang penulis. Hal ini menunjukkan kredibiliti seorang penulis dapat diangkat.

Implikasi yang seterusnya adalah kajian ini dapat menjadi rujukan yang berguna kepada ahli linguistik yang berminat tentang retorik. Para pengkaji dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk mengkaji retorik dalam konteks, cara, atau aspek yang lain. Hal ini disebabkan kajian terhadap retorik skema khususnya masih kurang dijalankan terutamanya kajian di negara kita.

Selain itu, kajian retorik skema yang dijalankan oleh pengkaji ini dapat membantu guru bahasa khususnya dalam menghayati unsur-unsur retorik dan kepentingan penggunaannya dalam penulisan, pertuturan seharian dan sebagainya. Oleh yang demikian, para guru dapat mengajar para pelajar untuk menghayati unsur retorik dan tahu untuk mengaplikasikannya dengan betul dan tepat.

5.4 Cadangan Kajian

Memandangkan kajian ini menghadapi beberapa batasan kajian sebagaimana yang telah dinyatakan dalam dalam Bab 1, maka beberapa cadangan untuk kajian lanjutan disarankan seperti berikut:

- i) Kajian Retorik Skema ini hanya dijalankan dengan menggunakan satu novel sahaja iaitu novel *Gantung*. Oleh itu dicadangkan agar kajian ini diperluaskan lagi dengan melihat kepada novel atau buku yang lain.
- ii) Kajian ini dijalankan dengan meneliti kepada unsur retorik skema sahaja. Oleh yang demikian dicadangkan kajian lanjut ke atas unsur retorik yang lain dalam novel *Gantung* atau novel-novel yang lain.

- iii) Kajian lanjutan dapat diteruskan dengan mengkaji unsur retorik dalam karya-karya Nadia Khan yang lain untuk melihat adakah cara dan gaya penulisan penulis berbakat ini mempunyai persamaan atau perbezaan.

RUJUKAN

- Abu Bakar, M., M., & Hamzah, Z., A., Z. (2016). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media cetak. *Jurnal Linguistik*, 20(1), 10 – 25.
- Abu Bakar, S., S. (2015). Perbandingan sebagai strategi retorik dalam iklan radio. *Jurnal Bahasa dan Sastra Melayu*, 5(1), 175-192.
- Ahmadi, E. (2012). Keindahan bahasa – kaedah penilaian mesra pelajar. *Pusat Bahasa Melayu Singapura*, 1-11.
- Aldila, N., Effendy, C., & Priyadi, A., T. (2013). Analisis gaya bahasa dalam novel Menjadi Tua dan Tersisih karya Vanny Crisma W. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 2(3), 1-12.
- Asmaniah, Z. (2015). Naskhah drama Rajapati karangan Ahmad Bakri. *Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, dan Budaya*, 6(2).
- Hamzah, A. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1).
- Basir, N. (2010). Kefungsian gaya bahasa pengulangan dalam novel Al-Abrar: Satu analisis wacana (The functionality of repetition in the Al-Abrar novel: A discourse analysis). *Jurnal Kemanusiaan*, 17, 91 – 110.
- Berhan, N., & Hamid, Z. (2012). Retorik gaya dalam membentuk karakter bangsa. *Jurnal Linguistik*, 15, 1-16.
- Bilal, A. H., & Cheema, M. (2012). Stylistic analysis of Wordsworth's poem Early Spring. *British Journal of Humanities and Social Sciences*, 5(2), 25-34.
- Cui, Y., & Zhao, Y. (2016). Repetition of Sound, Structure, and Meaning: A study poeticising strategies in English-Chinese advertisement translation. *JOURNAL OF SPECIALISED TRANSLATION*, (26), 136-150.
- Dehan, A., A., M. & Yaakob, N., A. (2017). Penerapan retorik gaya skema dalam pengkaryaan novel Salina. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 60 – 78.
- Ekawati, D. M. S., Sumarwati, S., & Anindyarini, A. (2012). Gaya bahasa dala, novel terjemahan Sang Pengejar Layang-Layang (The Kite Runner). *Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pengajarannya*, 1(1), 153 – 169.
- Eng, K. T. (2003). *Daripada Cakap Ajuk kepada Cakap Pindah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Essam, B. A. (2014). Toward A Successful Translation of The “Reduced” Anadiplosis in The Quranic Verses. *Advances in Language and Literary Studies*, 5(6), 24-30.
- Favre, B., & Hakkani-Tur, D. (2009). Phrase and word level strategies for detecting apposition in speech. In *Tenth Annual Conference of the International Speech Communication Association*, 2711-2714.
- Guat, M. T. (2011). Analisis linguistik terhadap penggunaan bahasa SMS dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Penyelidikan* 10(1).
- Hamzah, Z. A. Z., & Mat Hassan, A. F. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.

- Hasan, D. C. (2007). Penerjemahan Informasi Implisit dari Bahasa Inggris ke Bahasa Indonesia dalam Karya Fiksi. *Linguistik Indonesia*, Agustus 2007, Tahun ke 25, 55.
- Hussin, S., & Jaludin, A. (2003). *Kecemerlangan dalam Pengucapan Awam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jaafar, M. F. (2015). Gaya peralihan kod dalam kesusasteraan multilingual di Malaysia. *International Journal of Malay World and Civilisation*, 3(3), 49 – 57.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katrandjiev, H., Velinov, I., & Radova, K. (2016). Usage of rhetorical figures in advertising slogans. *Trakia Journal of Sciences*, 14(3), 267 – 274.
- Keraf, G. (1984). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Kridalaksana, H. (2013). *Kamus Linguistik (edisi keempat)*. Gramedia Pustaka Utama.
- Mohamad, M., & Jaafar, M. F. (2015). Anafora dalam teks ilmiah: Pendekatan analisis kontrastif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(2).
- Omar, A. H. (2005). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia
- Probowati, D. (2008). Pola-pola pembentukan kependekan ragam bahasa Indonesia informal pada testimonials and comments dalam situs Friendster. *Fakultas Ilmu Pengetahuan dan Budaya*, 1 – 15.
- Raji, O. W., & Ajadi, R. A. (2013). A stylistic analysis of Ekun Iyawo. *Research on Humanities and Social Sciences*, 3(9), 143 – 149.
- Riquet, J., Ittensohn, M., Schoch, H., & Rivera, R. (2015). Literature guide: essay writing, presentations, research. In M. Kavka & B. Schweizer (Eds.). Zurich: University of Zurich.
- Rohmah, S., A. (2015). Gaya bahasa perbandingan dalam novel Ayat-Ayat Cinta dan Bumi Cinta karya Habiburrohman El Shirazy. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Pembelajarannya*, 2(2), 157-164.
- Salleh, S., & Sailin, R. (2014). Prosiding daripada CoMM '14: *Kajian Hubungan Imaginasi, Kreativiti dan Idea dalam Komunikasi Penulisan Kreatif*. Selangor, Malaysia: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Sinar Harian (31 Julai, 2012). Skor bahasa retorik politik. Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my/mobile/kolumnis/rahman-shaari/skor-bahasa-retorik-politik-1.71657>
- Subet, M., F., & Daud, M., Z. (2016). “Giler atau gile...”: sebagai suatu slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 51-73.